

TINJAUAN KEPERLUAN MODUL PENINGKATAN KEMAHIRAN MEMBACA DAN BERTUTUR BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN SEKOLAH RENDAH

Fatmaruhani Ibrahim

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,
Emel: ruhanibrahim@um.edu.my

Nurul Haniza Samsudin

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,
Emel: haniza_85@um.edu.my

Mardian Shah Omar

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,
Emel: mardianso@um.edu.my

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,
Emel: inmarlin@um.edu.my

ABSTRAK

Masalah kemahiran membaca dan bertutur merupakan kelemahan yang dikenal pasti dalam kalangan murid-murid pemulihan. Masalah ini membawa kepada ketidakmampuan murid untuk membaca dan bertutur dengan lancar. Kajian tinjauan ini dijalankan bertujuan mengenal pasti keperluan murid pemulihan sekolah rendah luar bandar terhadap modul peningkatan kemahiran bertutur dan membaca bahasa Melayu berasaskan karya sastera kebangsaan. Tinjauan analisis ini bertujuan meningkatkan tahap kemahiran murid pemulihan sekolah rendah luar bandar dalam aspek membaca dan bertutur. Kajian ini akan menggunakan Model ADDIE yang melibatkan satu fasa sahaja, iaitu Fasa 1 – Fasa Analisis Keperluan. Teori pembelajaran yang terlibat dalam kajian ini termasuklah teori *dual coding* dan model *bottom-up* bagi peningkatan kemahiran membaca dan teori kompetensi komunikatif bagi peningkatan kemahiran bertutur. Borang soal selidik diedarkan kepada 12 orang guru daripada sekolah rendah sekitar negeri Johor, Kelantan, Pulau Pinang, dan Selangor. Kajian tinjauan ini memberi implikasi sebagai asas pembangunan modul selain menjadi nilai tambah serta memperbanyakkan bahan pengajaran dan pembelajaran kelas pemulihan. Sebagai cadangan, kajian lanjutan bolehlah dijalankan dengan skala yang lebih besar, iaitu tidak terhad di daerah luar bandar sahaja agar situasi sebenar pendidikan pemulihan di Malaysia dapat diteliti dengan lebih meluas.

Kata Kunci : Modul belajar, murid pemulihan, kemahiran membaca, kemahiran bertutur, Model ADDIE

1. Pengenalan

Murid-murid yang berada dalam gred yang sama, mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang sama, berkemungkinan mempunyai kebolehan pembelajaran yang berbeza. Tahap pemahaman, pencapaian dan prestasi seseorang murid berkemungkinan lebih rendah berbanding murid-murid yang lain walaupun berada pada tahap pembelajaran yang sama. Menurut Rai, H. dan Penjor, S. (2020), jika murid-murid bermasalah tidak diberi sokongan dan penyelesaian yang sewajarnya untuk mengatasi masalah mereka, maka mereka akan secara beransur-ansur tercicir dari sekolah. Oleh sebab itu, golongan murid yang mempunyai masalah sedemikian, yang lazimnya dikenali sebagai murid pemulihan perlu diberi perhatian yang lebih berbanding murid-murid yang lain.

Murid pemulihan merupakan kanak-kanak yang menghadapi kesukaran untuk menguasai kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira (3M) serta kemahiran bahasa lain seperti kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Pusat Perkembangan Kurikulum (1984) dalam Garis Panduan

Pelaksanaan Program Pemulihan Khas (2012) mendefinisikan murid pemulihan sebagai golongan murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam kemahiran-kemahiran tertentu, bersifat negatif terhadap pembelajaran dan mempunyai tingkah laku yang menjejaskan pembelajaran serta kurang sikap keyakinan diri dan sikap positif terhadap pembelajaran. Hal ini disokong oleh Mpofu, E. dan rakan-rakan dalam Clauss-Ehlers, C.S. (2015) yang menyatakan bahawa murid pemulihan merangkumi murid-murid yang mempunyai tahap pencapaian, kadar kemajuan dan tingkah laku yang berbeza, lazimnya lebih rendah berbanding rakan sebaya mereka.

Kemahiran membaca memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial individu, dan kemajuan dalam pendidikan (Begum, A, 2018). Hal ini disokong oleh Vlachos, F. (2020) yang mengutarakan pendapat bahawa kemampuan membaca dan literasi adalah aspek penting dalam kehidupan individu. Nurul Haniza Samsudin dan rakan-rakan (2018) berpendapat bahawa kemahiran membaca memerlukan individu mengaplikasikan beberapa kemahiran dengan serentak, menjadikannya suatu proses yang kompleks. Semasa membaca, beberapa kemahiran seperti kemahiran mengamati, melihat, mendengar, mengingat, dan membezakan bunyi-bunyi pertuturan perlu diaplikasikan secara serentak. Oleh hal yang demikian, keupayaan membaca bagi individu sama ada kanak-kanak mahupun orang dewasa merupakan suatu proses yang dinamik dan suatu kemahiran yang penting serta bernilai.

Penguasaan literasi bahasa Melayu memerlukan murid menguasai tiga kemahiran penting dan salah satu daripadanya ialah kemahiran bertutur (Balanadam & Khairul Azhar, 2021). Penguasaan kemahiran bertutur adalah penting kerana memberi mampu sumbangan terhadap peningkatan pencapaian akademik dan kompetensi seseorang murid. Kemahiran bertutur perlu dibentuk sejak murid berada di peringkat sekolah rendah lagi (Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman, 2018) kerana faktor usia, jantina, persekitaran dan lingkungan serta keadaan fizikal yang turut mempengaruhi kecekapan murid untuk berbahasa Melayu dengan fasih. Dalam aspek pendidikan bahasa, dapat diperhatikan bahawa murid yang menguasai kemahiran bertutur lebih cenderung menguasai kemahiran penguasaan bahasa yang lain seperti kemahiran membaca dan menulis (Jocylene Christopher C. & Jamaludin Badusah, 2018).

Ros Anita Kartini Mohamed dan Abdul Halim Ali (2021) membincangkan dalam penulisan mereka berkaitan konsep sastera kebangsaan yang diutarakan oleh Mohd Taib Osman (1971) bahawa kayu ukur untuk menentukan sastera kebangsaan adalah kesusasteraan yang mampu melangkaui batasan golongan serta daerah dan diterima oleh setiap rakyat Malaysia sebagai kesusasteraan sendiri. Selain itu, sastera jenis ini juga dapat memupuk kesedaran perpaduan rakyat Malaysia pada peringkat kenegaraan. Pengaplikasian sastera kebangsaan dengan pelbagai genre dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dapat mengelakkan pembelajaran tertumpu kepada bahan-bahan yang terdapat di dalam buku teks sahaja. Menggunakan karya sastera seperti cerita rakyat sebagai tema misalnya, pengajaran bahasa dapat dijalankan secara berperingkat bermula daripada kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis selain kemahiran berbahasa murid-murid turut dapat ditingkatkan secara lebih berkesan dari aspek linguistik.

Dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan pemulihan, kaedah yang betul dengan pendekatan yang bersesuaian akan memberi kesan positif terhadap murid pemulihan. Hal ini kerana menurut Wan Md. Azri Sham (2018), murid pemulihan akan mendapat persepsi baik bahawa kemahiran membaca dan bertutur yang dipelajari ini bukanlah sesuatu yang sukar untuk dikuasai. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis keperluan murid pemulihan sekolah rendah luar bandar terhadap modul peningkatan kemahiran bertutur dan membaca berasaskan karya sastera kebangsaan. Berikut matlamat berikut, timbul persoalan apakah pandangan guru pemulihan tentang keperluan

murid pemulihan sekolah rendah luar bandar terhadap modul peningkatan kemahiran bertutur dan membaca berasaskan karya sastera kebangsaan.

2. Pernyataan Masalah

Isu kegagalan menguasai kemahiran asas 3M khususnya kemahiran membaca dan kemahiran asas bahasa, iaitu kemahiran bertutur sentiasa diberi perhatian dan keutamaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini demikian kerana, membaca dan bertutur merupakan antara kemahiran asas untuk membolehkan berlakunya proses pembelajaran (Nor Laila Kuslan, 2014). Idea untuk menjalankan penyelidikan ini adalah daripada pemerhatian terhadap masalah penguasaan kemahiran membaca dan bertutur murid pemulihan yang menjadi antara penyebab utama berlakunya keciciran mereka dalam pelajaran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Unit Rendah di bawah Bahagian Sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia (2006), antara faktor yang menyumbang kepada masalah keciciran murid di sekolah adalah ketidakupayaan mereka untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas seperti membaca.

Akhbar atas talian, Portal Berita RTM pada 2 Mei 2024 melaporkan bahawa dalam Dewan Parlimen yang berlangsung beberapa minggu sebelum, Menteri Pendidikan Malaysia, Fadhlina Sidek menyatakan bahawa terdapat lebih daripada 435,000 murid di sekolah rendah dan menengah menghadapi isu keciciran dalam pembelajaran. Manakala, memetik artikel daripada laporan atas talian Astro Awani bertarikh 13 Januari 2023 pula, seramai 175,304 kanak-kanak di hujung tahun persekolahan sekolah rendah dilaporkan masih tidak menguasai kemahiran membaca sepenuhnya dan sekitar 1.01 juta daripada rakyat Malaysia masih tidak mempunyai kemahiran literasi asas. Seterusnya, portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (2019) melaporkan bahawa pada tahun tersebut, seramai 5,039 atau sekitar 1.2% orang calon belum mencapai tahap penguasaan minimum dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi semua mata pelajaran. Manakala, bagi Peperiksaan Alternatif Sekolah Rendah (PASR) pula, sekitar 20.0% daripada 3,800 murid berkeperluan khas yang menduduki peperiksaan tersebut masih belum menguasai kemahiran membaca.

Berdasarkan data dan angka yang dilaporkan ini, jelaslah bahawa masih wujud masalah penguasaan kemahiran membaca dan bertutur dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya kanak-kanak. Hal ini amat membimbangkan semua pihak berikutan kemahiran membaca dan bertutur merupakan antara kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh murid-murid apabila mengikuti proses pembelajaran dalam dunia pendidikan.


3. Teori Kajian

3.1 Teori *Dual Coding*

Nebel, C. (2020) membincangkan dalam penulisan beliau bahawa ahli psikologi kognitif telah mengenal pasti enam kaedah pembelajaran yang terbukti berkesan untuk meningkatkan daya ingatan jangka panjang dan kaedah *dual coding* merupakan salah satu daripadanya. Pada tahun 1971, Allan Paivio memperkenalkan teori *dual coding* (Paivio A., 1986) yang menyatakan bahawa manusia mengandungi dua kod yang saling berhubung untuk memproses informasi, iaitu sistem verbal serta sistem visual dan individu lazimnya memproses maklumat-maklumat ini secara serentak. Hal ini bermaksud, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, teori *dual coding* mempraktikkan persembahan bahan verbal dan visual secara serentak kepada murid-murid. Sistem verbal lazimnya

berhubung kait dengan pemprosesan maklumat dalam bentuk perkataan, manakala sistem bukan verbal pula adalah berkaitan pemprosesan maklumat dalam bentuk imej visual atau gambar.

Menurut Citra Kurniawan dan rakan-rakan (2022), dengan menggunakan sistem verbal dan sistem visual sebagaimana dalam teori *dual coding* secara bersamaan pada masa yang sama, proses pembelajaran akan menjadi lebih efektif. Hal ini kerana, maklumat dapat diambil dan disimpan dalam dua bentuk sistem yang berbeza, lazimnya verbal dan visual yang akan memudahkan pemahaman dan ingatan. Dalam konteks kelas pemulihan, penggunaan teori *dual coding* menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif kerana penggunaan maklumat melalui teks yang digabungkan bersama-sama maklumat grafik berbanding kaedah pembelajaran biasa yang hanya menggunakan maklumat melalui paparan teks. Pemprosesan maklumat menggunakan kedua-dua sistem verbal dan bukan verbal yang berlaku dalam teori *dual coding* secara lebih jelas dapat dilihat seperti rajah berikut:




Teori *Dual Coding* (diubahsuai daripada Allan Paivio, 1971)

3.2 Model *Bottom-Up*

Model membaca *bottom-up* menurut Prathomwat, S. (2019) bermula apabila pembaca menyahkod huruf, perkataan, serta ciri sintaksis teks, dan seterusnya membina makna kepada teks tersebut. Model membaca ini menganggap proses membaca sebagai proses bersiri, iaitu menganalisis visual huruf demi huruf seterusnya membawa kepada pengenalpastian perkataan melalui pengkodan fonemik. Antara konsep *bottom-up* yang paling signifikan dan dipraktikkan secara meluas ialah model membaca *bottom-up*. Pada tahun 1972, Philip Gough memperkenalkan model membaca *bottom-up* atau dikenali sebagai model bacaan berasaskan fonik (*phonics-bases*). Secara umumnya, model *bottom-up* ialah satu bentuk pemprosesan induktif pacuan data (*data-driven*) yang bermula dengan unit lebih kecil atau lebih rendah seterusnya bergerak ke atas melalui unit lebih besar atau lebih tinggi (Moskovsky, C. et al., 2015).

Model membaca *bottom-up* ini melibatkan kaedah pengajaran membaca secara bertahap dan komponen membaca diajar secara tahap demi tahap yang membolehkan pelajar menjadi lebih celik dan mudah memahami perkara yang diajar. Model ini melibatkan pengajaran secara langsung dan eksplisit melalui pendekatan menggunakan lima komponen membaca semasa pendidikan awal kanak-kanak, iaitu fonik, kesedaran fonemik, perbendaharaan kata, kefasihan, dan kefahaman (National Reading Panel, 2000). Untuk memastikan kemahiran membaca murid dapat berkembang dengan betul, kelima-lima komponen ini mestilah dikuasai. Model *bottom-up* menerapkan proses membaca sebagai sebuah keberlangsungan yang berturut-turut, iaitu daripada proses pengecaman simbol huruf kepada pengecaman bunyi huruf, pengecaman perkataan, dan seterusnya membaca ayat. Proses ini secara ringkasnya dapat dilihat seperti rajah di bawah:




Model *Bottom-Up* (diubahsuai daripada Philip B. Gough, 1972)

3.3 Teori Kompetensi Komunikatif

Canale dan Swain (1980) mendefinisikan konsep teori kompetensi komunikatif sebagai kemampuan individu menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan. Teori ini mencakupi pengetahuan tentang prinsip-prinsip tatabahasa asas, kaedah bahasa digunakan dalam situasi sosial untuk melaksanakan fungsi komunikatif serta kaedah individu menggabungkan kemahiran bertutur dengan fungsi komunikatif mengikut prinsip wacana. Hal ini bermaksud dalam konteks pembelajaran, kompetensi komunikasi merujuk kepada kebolehan murid pemulihan menggunakan bahasa untuk pertuturan bagi menjalankan komunikasi berkesan. Whyte, S. (2019) memetik Hymes (1972) yang menyatakan istilah kompetensi komunikatif pada asasnya melibatkan konsep bahawa kemampuan penggunaan bahasa dalam komunikasi bukan sahaja memerlukan pengetahuan tentang

aspek linguistik, namun turut memerlukan pengetahuan tentang peraturan penggunaannya dalam konteks yang berbeza.

Penyelidikan ini mengadaptasi teori kompetensi komunikatif (Canale & Swain, 1980) sebagai teori yang akan diaplikasikan melalui kaedah fonik dalam pengajaran murid pemulihan bagi meningkatkan kemahiran bertutur mereka. Teori ini membincangkan keterlibatan kompetensi aspek lain seperti kompetensi wacana, kompetensi tatabahasa atau linguistik (Celce-Murcia, et al., 1995), kompetensi tindakan, kompetensi sosiobudaya dan kompetensi strategik. Namun demikian, penyelidik hanya akan memberi fokus kepada kompetensi linguistik yang melibatkan aspek fonologi, iaitu melalui pendekatan kaedah fonik. Aspek-aspek yang terlibat dalam teori ini dan perkaitannya dapat dilihat sebagaimana dalam rajah di bawah yang diubahsuai daripada Canale dan Swain (1980) dan Celce-Murcia, M., Dornyei, Z. dan Thurrell, S. (1995):




Teori Kompetensi Komunikatif (diubahsuai daripada Canale & Swain, 1980 & Celce-Murcia, et al., 1995)

3.4 Model ADDIE

Model ADDIE merupakan istilah tidak rasmi yang digunakan untuk menerangkan dan menghuraikan kaedah sistematik dalam pembangunan pengajaran yang secara praktikalnya menyerupai Pembangunan Sistem Pembelajaran (ISD) (Wan Nor Ashiqin & Wan Ahmad Jaafar, 2023). Hal ini bermaksud, model ADDIE merupakan panduan yang dinamik dan fleksibel untuk membina alat latihan seperti modul dan bahan bantu mengajar. Model ini merangkumi lima fasa, bermula daripada Fasa Analisis, Fasa Reka Bentuk, Fasa Pembangunan, Fasa Pelaksanaan, dan Fasa Penilaian. Ummu Nasibah Nasohah dan rakan-rakan (2015) menyatakan bahawa reka bentuk diperlukan bagi teori model reka bentuk yang sistematik dan teliti kerana modul pengajaran merupakan salah satu prinsip dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sesuatu kemahiran. Sebilangan pengkaji

mengadaptasi model ADDIE dalam proses reka bentuk dan pembangunan perisian untuk pendidikan atau aplikasi mudah alih (Muhamad Azhar Stapa & Nazeri Mohammad, 2019).

Modul yang mampu mencapai tujuan pengajaran dan pembelajaran akan dihasilkan daripada pengadaptasian model ADDIE. Hal ini agar, modul yang mengandungi pendekatan bersistematik dan berkesan yang sesuai dengan keperluan serta minat pelajar dapat dibina. Model ADDIE melibatkan proses-proses yang mempunyai perkaitan di setiap fasa-fasa yang dirangka menjadikannya bersistematik. Oleh hal yang demikian, model ADDIE dapat menjadi garis panduan kepada amalan pengajaran dan pembelajaran yang lebih teliti dan terperinci bagi tujuan pembangunan, penilaian dan pemantauan prestasi modul pengajaran bagi mencapai matlamat pembelajaran yang ditetapkan. Fasa-fasa yang terdapat dalam model ADDIE dan alirannya boleh dilihat sebagaimana dalam rajah di bawah yang diubahsuai daripada Rosset, 1987:



Model ADDIE (diubahsuai daripada Rosset, 1987)

4. Metodologi Kajian

Bahagian ini meliputi perbincangan berkaitan kaedah kajian yang digunakan untuk oleh pengkaji untuk menjalankan kajian. Aspek-aspek yang akan dibincangkan termasuklah reka bentuk kajian, kesahan dan kepercayaan, fasa analisis keperluan, populasi dan persampelan kajian, instrumen kajian, serta kaedah dan prosedur penganalisisan data.

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian analisis keperluan modul peningkatan kemahiran membaca dan bertutur Bahasa Melayu berasaskan karya sastera kebangsaan dalam kalangan murid pemulihan sekolah rendah luar bandar

ini merupakan sebuah kajian kualitatif. Model ADDIE telah dipilih untuk diadaptasi bagi menghasilkan modul pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Teori model reka bentuk yang sistematik dan teliti diperlukan kerana modul pengajaran merupakan salah satu prinsip dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sesuatu kemahiran (Ummu Nasibah Nasohah et al., 2015). Oleh hal yang demikian, model ADDIE telah menjadi model reka bentuk pengajaran yang dipilih untuk diadaptasikan ke dalam reka bentuk kajian kerana sifatnya yang mempunyai fasa-fasa terperinci yang bermanfaat untuk proses pembangunan modul PdP. Berikut merupakan fasa-fasa yang dinyatakan dalam model ADDIE dan hubungannya dengan peringkat pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran.

Fasa Model		Peringkat Modul
Fasa 1 & Fasa 2	Analisis (A) dan Reka Bentuk (D)	Analisis dilakukan terhadap keperluan modul bagi mendapatkan maklumat untuk mereka bentuk modul yang bersesuaian dengan keperluan.
Fasa 3	Pembangunan (D)	Pembangunan modul dilaksanakan setelah maklumat daripada analisis keperluan dan reka bentuk diperolehi.
Fasa 4 & Fasa 5	Pelaksanaan (I) dan Penilaian (E)	Pelaksanaan modul dilakukan dalam keadaan sebenar terhadap subjek kajian dan penilaian dibuat berdasarkan proses dan maklum balas daripada pelaksanaan modul.

Hubungan Fasa-Fasa Model ADDIE dengan Peringkat Pembangunan Modul

Walaupun model ADDIE meliputi lima fasa pembangunan modul namun, kajian ini hanya menjalankan Fasa 1 (Fasa Analisis), iaitu pengkaji akan menjalankan analisis keperluan bagi mendapatkan maklumat dan data berkaitan keperluan murid pemulihan sekolah rendah luar bandar terhadap sesebuah modul peningkatan kemahiran membaca dan bertutur Bahasa Melayu berasaskan karya sastera kebangsaan.

4.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Elemen kesahan dan kebolehpercayaan instrumen merupakan antara aspek yang penting untuk memastikan ketepatan dan kesesuaian item serta konstruk borang soal selidik dan temu bual yang telah dibina (Vinoothini Mannogaran & Nor Azwahanum, 2023). Kajian ini melibatkan penggunaan pelbagai instrumen yang sesuai digunakan untuk mengukur kebolehgunaan sesuatu modul. Dalam proses pembinaan soal selidik ini, pengkaji harus mempertimbangkan keperluan pengadaptasian dan penyesuaian skala sedia ada atau membina skala yang baharu. Skala yang telah disahkan sebelumnya diperlukan untuk mengubahsuaikan dan membangunkan pendekatan teoritikal yang baharu, di samping menambah baik bahan sedia ada. Menurut Amran Omar dan rakan-rakan (2021), pertimbangan yang terperinci terhadap sesuatu keperluan harus dititik beratkan dalam pembangunan instrumen baharu. Namun demikian, instrumen yang dibangunkan secara sendiri lazimnya mempunyai tahap nilai pekali alfa Cronbach yang sederhana.

Kesahan yang tinggi membuktikan bahawa hasil kajian yang diperolehi adalah berasaskan fakta yang jitu, hal ini seterusnya mampu memberikan justifikasi yang tepat. Kesahan kandungan dapat ditingkatkan apabila pengkaji mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pakar penilai instrumen untuk memastikan domain dan item-item yang terkandung dalam sesuatu modul adalah

mewakili bidang kajian. Menurut Khairul Azmi Jasmi (2012), dalam penyelidikan kualitatif, dua orang pakar adalah mencukupi untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang terlibat dalam proses pengumpulan data. Oleh hal yang demikian, kesemua instrumen kajian yang terlibat dalam pengumpulan data kajian ini telah mendapatkan kesahan daripada dua orang panel pakar penilai yang berpengalaman dalam bidang pembinaan bahan bantu mengajar dan pembangunan modul.

Kesahan instrumen diperlukan untuk memastikan data yang diperoleh dapat diinterpretasikan dengan betul, relevan dan sejajar dengan objektif kajian. Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2019) mengutarakan pendapat bahawa kesahan sesuatu alat atau instrumen pengukuran dapat dinyatakan apabila pembinaannya memenuhi fungsi dan objektif yang telah ditetapkan. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah merujuk dua orang panel pakar untuk menilai kesesuaian dan kerelevanan konstruk serta item yang telah dibina, seterusnya mengambil kira kesemua pandangan, cadangan serta komen pakar terlibat untuk melakukan penambahbaikan terhadap instrumen yang dihasilkan.

4.3 Fasa Analisis Keperluan

Kajian ini hanya melibatkan Fasa Analisis Keperluan kerana dalam proses reka bentuk sesebuah modul pengajaran dan pembelajaran, fasa ini merupakan asas dan fasa terpenting kepada fasa-fasa seterusnya. Pada fasa ini, beberapa analisis dijalankan, antaranya terhadap permasalahan yang berkaitan dengan pengenalpastian masalah dan kaedah penyelesaiannya. Proses ini bermatlamat memastikan reka bentuk modul PdP yang dihasilkan adalah bersesuaian dan memenuhi keperluan murid pemulihan yang terlibat. Pengenalpastian masalah serta pemerolehan maklum balas seperti pendapat dan cadangan boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah pengumpulan maklumat dan data. Antara kaedah yang lazim digunakan adalah seperti tinjauan awal, pemerhatian turut serta, temu bual, soal selidik dan analisis dokumen (Zahid Mumtaz, 2022; Klingebiel, S. et al., 2024).

4.4 Sampel Kajian dan Populasi

Pensampelan rawak lazimnya digunakan dalam kajian tinjauan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan mengenal pasti ciri-ciri sesebuah populasi. Kajian kualitatif ini menggunakan sampel yang dipilih secara bertujuan mengikut kriteria yang telah ditetapkan dalam bahagian skop dan batasan kajian. Subjek kajian bagi tinjauan awal fasa ini melibatkan 12 orang guru pemulihan sekolah rendah di sekitar negeri Johor, Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor.

4.5 Instrumen Kajian (Fasa 1 – Analisis Keperluan)

Dalam kajian ini, soal selidik yang dibina mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A, Demografi Responden dan Bahagian B, Soal Selidik Guru. Bahagian A meliputi maklumat diri responden seperti jantina, umur, bangsa, tempat tinggal, pengalaman mengajar, kelulusan akademik dan iktisas, opsyen mengajar, serta negeri dan nama sekolah tempat mengajar. Manakala, Bahagian B pula meliputi 10 konstruk interaksi sosial, prestasi akademik, fonetik, morfologi, membaca dan bertutur, pemerolehan maklumat, bahan bantu mengajar, kesesuaian penggunaan bahan sastera kebangsaan, penilaian murid berdasarkan model membaca *bottom-up*, dan penilaian murid berdasarkan taksonomi *bloom*.

Pada bahagian B, setiap konstruk mengandungi enam item dengan lima pilihan jawapan skala rating bermula daripada Skala 1 – sangat tidak setuju, Skala 2 – tidak setuju, Skala 3 – kurang pasti, Skala 4 – setuju, dan Skala 5 – sangat setuju. Setiap pernyataan bagi semua konstruk mengandungi item-

item berbentuk ayat positif. Penggunaan pernyataan positif bagi semua item bertujuan memudahkan pemahaman responden dan memudahkan para responden memberikan respon, mengelakkan daripada berlakunya kekeliruan serta memudahkan proses merekod dan menganalisis data.

Bagi semua konstruk yang terlibat, skor item yang berbentuk pernyataan positif diberikan dengan skor terendah pada pilihan 'sangat tidak setuju' dan skor tertinggi pula pada pilihan 'sangat setuju'. Responden juga boleh memilih 'tidak pasti' jika mereka berasa ragu-ragu untuk membuat penilaian terhadap pernyataan yang diberikan. Penentuan Skala Likert dibuat dengan pertimbangan bagi memudahkan responden untuk membuat pilihan jawapan atau penilaian tanpa kekeliruan (Jebb, A. T. et al., 2021; Yamashita, T. & Millar, R.J., 2021).

4.6 Analisis Data

Fasa Analisis Keperluan ini melibatkan guru pemulihan dan murid pemulihan. Oleh kerana responden dan subjek kajian adalah terdiri daripada murid sekolah rendah dan guru di bawah kelolaan kerajaan, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) maka, pengkaji perlu mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah sasaran. Permohonan dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Menjalankan Penyelidikan Pendidikan (eRAS). Pengkaji selanjutnya akan mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) bagi negeri-negeri terpilih, iaitu Johor, Kelantan, Pulau Pinang, dan Selangor untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah di bawah selenggaraan mereka.

Bagi kajian sebenar, pengkaji akan mengedarkan sendiri borang-borang soal selidik ke sekolah-sekolah yang berhampiran, begitu juga bagi sesi temu bual. Manakala bagi sekolah-sekolah yang jauh pula, borang soal selidik akan diedarkan secara pos. Seiring dengan kemajuan teknologi dan kemudahan komunikasi, pengkaji juga akan memanfaatkan perisian borang atas talian seperti *Google Form* untuk mengedarkan borang soal selidik. Guru-guru pemulihan diberi masa 3 minggu untuk melengkapkan borang soal selidik sebelum dihantar semula kepada pengkaji. Bagi menemu bual guru-guru pemulihan daripada sekolah yang jauh pula, pengkaji akan menggunakan aplikasi seperti *Google Meet*, *Microsoft Teams*, atau *WhatsApp Video Call*. Penggunaan perisian dan aplikasi atas talian sebagai alternatif yang lebih cepat dan mudah ini pastinya memudahkan lagi proses pengumpulan maklumat, di samping memastikan data dapat direkodkan secara sistematik.

4.7 Penganalisan Data Kajian (Fasa 1 – Analisis Keperluan)

Data Fasa Analisis Keperluan bagi modul pemulihan untuk kegunaan murid sekolah rendah ini diproses menggunakan perisian SPSS. Bentuk analisis deskriptif digunakan untuk menghurai data Bahagian A, Demografi Responden dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Analisis daripada instrumen soal selidik dimanfaatkan untuk menjawab persoalan kajian pertama. Analisis kekerapan, peratusan dan min digunakan untuk menghurai data Bahagian B, yang meliputi 60 item.

Bagi Bahagian B instrumen soal selidik khususnya, skala rating dijumlahkan dan ditukarkan kepada bentuk peratus skor. Terdapat 10 konstruk dalam Bahagian B yang mengandungi enam item setiap konstruk. Hal ini bermakna, dalam Bahagian B, kesemua 10 konstruk terdiri daripada enam item bagi setiap konstruk, yang membawa kepada skor keseluruhan berjumlah 30 per konstruk. Skor responden bagi enam item akan dijumlahkan dan dibahagikan dengan 30 bagi mendapatkan peratusan skor setiap konstruk.

5. Rumusan

Usaha meningkatkan kualiti dan keberkesanan pengajaran pendidikan pemulihan adalah sangat penting dan perlu dititikberatkan. Hal ini agar, keberhasilan murid dapat dioptimumkan bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Program kelas pemulihan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan suatu langkah yang amat bernas dan berpotensi besar menurunkan peratusan buta huruf, lemah dalam kemahiran 3M (membaca, menulis, mengira) serta keciciran pelajaran dalam kalangan murid-murid sekolah rendah khususnya di luar bandar. Namun demikian, usaha tambahan perlulah diambil untuk meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan pengajaran pendidikan pemulihan ini. Oleh hal yang demikian, analisis dan penilaian keperluan murid pemulihan terhadap bahan bantu belajar, modul dan alternatif pengajaran dan pembelajaran yang lain perlu sentiasa dilakukan dari masa ke masa. Hal ini agar, pihak kerajaan dan para guru dapat sentiasa memperbaharui bahan dan kaedah pengajaran bersesuaian dengan keperluan semasa murid pemulihan.

Tinjauan yang dijalankan dalam kajian ini merupakan suatu langkah awal ke arah membuka ruang dan peluang baharu kepada pihak KPM dan para guru pemulihan untuk menambah baik serta mengemaskini bahan dan kaedah pengajaran sedia ada dalam pendidikan pemulihan. Penggunaan model ADDIE dalam proses pengumpulan maklumat dan pelaksanaan kajian juga merupakan kaedah yang betul. Hal ini kerana, Fasa 1 – Analisis Keperluan yang diterapkan dalam model ini adalah sangat bersesuaian digunakan untuk meneliti dan menilai keperluan murid pemulihan sekolah rendah terhadap modul kemahiran membaca dan bertutur.

6. Penghargaan

Makalah ini dihasilkan di bawah tajaan geran penyelidikan fundamental (FRGS) yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. No geran: FRGS/1/2022/SS109/UM/02/28. Artikel ini telah diberi penambahbaikan dan penyesuaian untuk diterbitkan dalam e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024).

7. Rujukan

- Amran Omar, Shazlin Amir Hamzah & Chang Peng Kee. (2021). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen batas etnik di sekolah kebangsaan Zon Utara *Semenanjung Malaysia. Journal of Social Sciences and Humanities (e-Bangi)*, 18(3), 253-269. <https://t.ly/tQPNm>
- Balanadam, J., & Khairul Azhar Jamaluddin. (2021). Isu dan cabaran dalam kemahiran membaca dikalangan murid sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 127-135. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpc/article/view/16676>
- Begum, A. (2018). Role of literacy in people's lives and its importance. *International Journal of Science and Research (IJSR)*, 9(9), 1223-1224.
- Celce-Murcia, M., Dornyei, Z. & Thurrell, S. (1995). Communicative competence: A pedagogically motivated model with content specifications. *Applied Linguistics*, 6(2), 5-35.

- Citra Kurniawan, Shirly Rizki Kusumaningrum, Kee-Fui Turner Lam & Ence Surahman. (2022). Improving language teaching and learning process with dual coding theory approaches. *Jurnal Pendidikan*, 7(8), 281-289.
- Faida Rahim. (2023, Januari 13). Lebih 170,000 murid sekolah di Malaysia tidak mahir membaca: *Astro AWANI*. <https://shorturl.at/F0iRr>
- Jebb, A. T., Ng, V., & Tay, L. (2021). A review of key Likert scale development advances: 1995–2019. *Frontiers in Psychology*, 12(637547), 1-14. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.637547>
- Jocylene Christopher C. & Jamaludin Badusah. (2018). Pengaruh persekitaran linguistik terhadap penguasaan lisan dalam kalangan murid Melanau di Daerah Mukah. *Seminar Pendidikan Transdisiplin (STEd 2018)*, 144-156. <https://tinyurl.com/2w94by2n>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Faktor penyumbang masalah keciciran murid*. Unit Rendah di bawah Bahagian Sekolah Rendah, KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Peperiksaan Alternatif Sekolah Rendah (PASR)*. Unit Rendah di bawah Bahagian Sekolah Rendah, KPM.
- Khairul Azmi Jasmi. (2012, Mac 28&29). *Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim. <https://shorturl.at/uH4tr>
- Klingebiel, S., Hartmann, F.L., Madani, E., Paintner, J., Rohe, R.A., Trebs, L. & Wolk, Teodor. (2024). Methods for data collection and analysis. In *Exploring the effectiveness of international knowledge cooperation* (pp. 43-50). Palgrave Macmillan. <https://rb.gy/b4hm2r>
- Mohd Syaubari & Ahmad Yunus. (2019). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amalan pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah di dalam mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menerusi pengajaran akidah. *The Online Journal of Islamic Education*, 7(1), 15-26. <https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/19974/10441>
- Moskovsky, C., Jiang, G., Libert, A., & Fagan, S. (2015). Bottom-up or top-down: English as a foreign language vocabulary instruction for Chinese university students. *TESOL Quarterly*, 49(2), 256–277. <http://www.jstor.org/stable/43893753>
- Mpofu, E., Rusch, F.R., Chan, S.Y., Engelbrecht, P., Mutepfa, M.M., Ruhode, N. & Seymour K.L. (2010). Remedial education. Dlm Clauss-Ehlers, C.S. (Ed.) *Encyclopedia of cross-cultural school psychology* (pp. 806-808). Springer. https://doi.org/10.1007/978-0-387-71799-9_355
- Muhamad Azhar Stapa & Nazeri Mohammad. (2019). The use of ADDIE Model for designing blended learning application at vocational colleges in Malaysia. *Asia-Pacific Journal of Information Technology & Multimedia*, 8(1), 49–62. <https://tinyurl.com/yc78erru>
- National Reading Panel. (2000). *Teaching children to read: An evidence-based assessment of the scientific research literature of reading and its implications for Reading Instruction*, (Report of the National Reading Panel: Reports of the Subgroups). National Institute of Child Health and Human Development. <https://shorturl.at/ZrRpL>
- Nebel, C. (2020). Considerations for applying six strategies for effective learning to instruction. *Medical Science Educator*, 30(1), 9–10. <https://doi.org/10.1007/s40670-020-01088-8>
- Nor Laila Kuslan. (2014). *Aktiviti pemulihan bacaan di sebuah sekolah rendah: Satu kajian kes* [PhD thesis, University Malaya, Malaysia]. UM Students' Repository. <http://studentsrepo.um.edu.my/4701/1/>
- Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 74-83. <https://journalarticle.ukm.my/11838/1/169-327-1-SM.pdf>
- Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid & Salinah Ja'afar. (2018). Pengaplikasian model awal Kit Asas Membaca dalam pembelajaran bahasa Melayu kanak-kanak pemulihan khas. *Jurnal Sains Insani*, 3(1), 1-9. <https://shorturl.at/IzIUy>

- Paivio, A. (1986). *Mental representations: A dual coding approach*. Oxford University Press.
- Prathomwat, S. (2019). Bottom-up vs top-down model: the perception of reading strategies among Thai university students. *Journal of Language Teaching and Research*, 10(3), 454-460.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1984). Dlm Bahagian Pendidikan Khas. (2012). *Garis panduan pelaksanaan program pemulihan khas*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rai, H. & Penjor, S. (2020). The impact of remedial class on students' learning achievement. *Contemporary Education and Teaching Research*, 1(2), 27-34.
- Ros Anita Kartini Mohamed & Abdul Halim Ali. (2021). Model sastera kebangsaan dalam wacana pascakolonial: Suatu pembahasan. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(1), 117-127. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.10.2021>
- Samsul Farid Samsuddin. (2024, Mei 2). Isu keciciran dalam pelajaran perlu ditangani bersama: *Berita RTM*. <https://tinyurl.com/4kuzt8jz>
- Ummu Nasibah Nasohah, Muhammad Izuan Bin Abd Gani & Nazipah Binti Mat Shaid @ Md Shaid. (2015). Model ADDIE dalam proses reka bentuk modul pengajaran. *Proceedings of the International Seminar on Language Teaching (IseLT)*, (1-9).
- Vinoothini Mannogaran & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2023). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen mengenai pengetahuan, sikap dan cabaran guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), 1-12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.1958>
- Vlachos, F. (2020). The benefits of handwriting in the development of reading ability: A review of neuroimaging findings. *Psychology: The Journal of the Hellenic Psychological Society*, 25(2), 1-12.
- Wan Md. Azri Sham Wan Aziz. (2018). *Keberkesanan kaedah titik dan anak panah terhadap murid pemulihan khas menguasai memahiran menulis angka 1 hingga 9 Matematik*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Nor Ashiqin Wan Ali & Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya. (2023). Waterfall-ADDIE Model: An integration of software development model and instructional systems design in developing a digital video learning application. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 15(1), 1-28. <https://journalarticle.ukm.my/22334/1/A%201.pdf>
- Whyte, S. (2019). Revisiting communicative competence in the teaching and assessment of language for specific purposes. *Language Education & Assessment*, 2(1), 1019.
- Yamashita, T. & Millar, R.J. (2021). Likert scale. In Gu, D., Dupre, M.E. (eds) *Encyclopedia of Gerontology and Population Aging*. Springer, Cham. <https://tinyurl.com/nhe3wkkp>
- Zahid Mumtaz. (2022). Research design, methodology, and data collection. In Zahid Mumtaz (Eds.), *Informal social protection and poverty* (pp. 73-83). Springer. <https://rb.gy/n80x9i>